

03/03/2003

Pindah pusat pentadbiran perlu kajian

LANGKAWI: Satu kajian terhadap undang-undang tubuh Kerajaan Kedah perlu dilakukan terlebih bagi memastikan sama ada pusat pentadbiran kerajaan boleh dipindahkan dari Alor Star ke Langkawi.

Pegawai Daerah Kota Star, Datuk Ahmad Abdullah, berkata jika ada peruntukan yang membolehkan kerajaan berbuat demikian, keputusan mengenainya boleh dibuat oleh Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Bagaimanapun, ia perlu dirujuk kepada Sultan Kedah terlebih dulu untuk kelulusan. Penasihat Undang-undang negeri perlu membuat kajian terhadap perlembagaan negeri bagi memastikan ada peruntukan yang membenarkan pemindahan pusat pentadbiran kerajaan negeri sebelum dibincangkan oleh DUN," katanya semalam.

Sementara itu, peniaga di Langkawi menyambut baik cadangan yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Ia disifatkan sebagai langkah positif bagi memacu pembangunan di Langkawi, terutama selepas Perdana Menteri bersara Oktober depan.

Pengerusi Persatuan Pekedai Bebas Cukai, Arshad Desa, berkata selaras status Bandaraya Pelancongan, Langkawi sesuai dijadikan pusat pentadbiran Kerajaan Kedah.

"Saya menyokong penuh cadangan Perdana Menteri kerana ia adalah untuk kebaikan semua pihak yang mahu melihat Kedah terus maju dalam setiap aspek pembangunan pada masa depan.

"Lagi pun, Langkawi adalah sebahagian daripada Kedah dan tiada siapa yang akan rugi," katanya.

Arshad berkata, ketika ini beberapa tugas dan tindakan didapati bertindih antara Lembaga Pembangunan Langkawi dan Majlis Perbandaran Langkawi menyebabkan timbul masalah birokrasi.

"Jadi, elok sangatlah jika Langkawi dijadikan pusat pentadbiran kerajaan negeri," katanya semalam sambil mencadangkan diadakan penerbangan Langkawi-Alor Star bagi memudahkan penduduk tempatan berurusan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pas Pusat, Azizan Abdul Razak menyifatkan cadangan itu sebagai tidak praktikal.

Beliau berkata, jika cadangan itu dilaksanakan, rakyat di negeri ini terpaksa menyeberang laut semata-mata untuk menjalankan urusan dengan kerajaan negeri.

Selain itu, beliau berkata, cadangan itu membebankan kewangan kerajaan negeri kerana untuk memindahkan pusat pentadbiran memerlukan belanja yang banyak.

"Adalah wajar Langkawi dikekalkan sebagai pusat peranginan bertaraf antarabangsa dengan keindahan alam semula jadi dan pada masa yang sama meningkatkan pembangunan di ibu negeri sedia ada," katanya.